

Hantaran Seks: Kajian Kesedaran dalam Kalangan Mahasiswa

Noormarlinna Tasman¹ dan Adila Ismail²¹

^{1,2}Fakulti Sains Gunaan dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Perlis

ABSTRAK

Kajian ini mengkaji kesedaran mahasiswa Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mengenai isu hantaran seks (sexting). Seramai 4 orang informan telah ditemu bual untuk mengupas isu gejala hantaran seks dan menjawab segala persoalan yang dikaji di dalam kajian ini. Kajian ini akan mengupas tentang sejauh mana mahasiswa UniMAP mengetahui tentang hantaran seks, faktor-faktor berlakunya hantaran seks dan implikasi. Antara faktor berlakunya hantaran seks ialah pengaruh media sosial, pengaruh rakan sebaya, dan juga kurangnya perhatian dari ibu bapa sehingga menyebabkan anak-anak mencari bentuk hiburan lain. Seterusnya, beberapa cadangan untuk diambil tindakan pada masa depan bagi membendung gejala hantaran seks ini telah diperincikan.

Kata kunci: Hantaran Seks, Sexting, Mahasiswa Malaysia.

ABSTRACT

This study examines the awareness of Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) students on the issues of sexting. A total of 4 informants were interviewed to analyze the issue of sexual transmission symptoms and to answer all the predetermined questions in this study. This study has identified the extent to which UniMAP students are aware about sexting, the factors, as well as its implications. Among the factors discussed are the influence of social media and of peers. Next, lack of attention from parents that causes children to seek other forms of entertainment are also discussed. Further, some suggestions for action in the future to curb the issues have been detailed.

Keywords: Sexting, Sex Texting, Malaysian University Students.

1. PENDAHULUAN

Teknologi moden pada masa kini seperti komputer, telefon bimbit, sistem audio, dan kamera video mempunyai pengaruh yang besar terhadap masyarakat (L'Engle *et al.*, 2006). Internet adalah salah satu daripada media dan teknologi canggih yang mana semakin meluas penggunaannya, dengan harga yang semakin murah dan mempunyai banyak kemudahan untuk menggunakan produk-produk teknologikal seperti komputer riba, modem, video kamera dan telefon bimbit kebanyakannya kini telah dilengkapi dengan internet (Charness & Boot, 2009; Ono & Tsai, 2008). Charness & Boot (2009) menyatakan bahawa internet merupakan satu platform atau medium jaringan komputer untuk mengakses maklumat dan menjadi sumber informasi terbaik pada masa kini. Namun, terdapat implikasi negatif yang cukup besar untuk pengguna yang menyalahgunakannya seperti penipuan, buli siber, pornografi dan hantaran seks (*sexting*). Kajian ini akan lebih berfokus pada masalah sosial yang semakin membimbangkan pada masa kini di kalangan remaja iaitu gejala hantaran seks. Hantaran seks, atau lebih popular dalam Bahasa Inggeris '*sexting*' ialah gabungan kata daripada '*sex*' dan '*texting*' yang mana kebiasaannya

¹ Corresponding Author: adilaismail@unimap.edu.my

dilakukan dengan menghantar gambar-gambar berkaitan seks kepada kawan-kawan atau orang tertentu.

2. KAJIAN LITERATUR

Perlakuan hantaran seks yang juga dikenali sebagai '*sex and texting*' ialah perbuatan menghantar atau menerima gambar, mesej, atau video yang bersifat lucah melalui telefon bimbit atau internet, dan ia adalah aktiviti yang popular dalam kalangan remaja dan menjadi langkah normatif dalam proses temu janji (Lenhart, 2009; Temple & Choi, 2014). Antara contoh hantaran seks ialah; (a) Menghantar gambar tidak senonoh seperti gambar bogel; (b) Menghantar video yang menunjukkan perbuatan seks atau seks simulasi, teks yang mencadangkan seks atau merujuk kepada perbuatan seks.

Menurut Prather dan Vandiver (2014), walaupun telefon bimbit menjadi mod komunikasi dominan, teknologi ini telah mendedahkan belia kepada kemudaratan yang berpotensi akibat penggunaan yang tidak sesuai atau dengan kata lainnya, telah disalahguna sehingga menyebabkan akibat yang buruk terjadi kepada mereka. Kajian lalu mendapati bahawa kira-kira satu pertiga remaja menghantar lebih daripada 3000 mesej teks sebulan. Mereka menghantar imej dan video diri mereka sendiri atau orang lain dan menyebabkan terbukanya peluang untuk terlibat dalam hantaran seks (Hinduja & Patchin, 2010; Lenhart *et al.*, 2010). Remaja yang terlibat dalam gejala pergaulan bebas lebih mudah terjebak dan selalunya akan menjalinkan hubungan melebihi batasan dan menyebabkan banyak berlakunya kes-kes melibatkan seks bebas, pembuangan bayi, mahupun rogol di bawah umur.

Menurut berita di Astro Awani (2014), ibu bapa terlalu sibuk dengan urusan kerja masing-masing sehingga tidak dapat meluangkan masa bersama anak-anak dan mengambil jalan pintas dengan cara membiarkan mereka leka bersama gajet yang diberikan. Hal ini menyebabkan kes rogol membabitkan kanak-kanak semakin meningkat akibat daripada penyalahgunaan internet yang mana mereka terpengaruh untuk melayari laman sesawang atau media sosial yang menghidangkan video dan bahan-bahan lucah. Akan tetapi, antara faktor terbesar yang menyumbang berlakunya gejala hantaran seks ialah apabila remaja terpengaruh dengan aksi-aksi hubungan seks yang ditunjukkan di dalam media sehingga membangkitkan rangsangan seksual mereka dan mewujudkan rasa ingin tahu lebih jauh tentang rangsangan tersebut. Pernyataan ini disokong oleh Lohmann (2012), yang mana menyatakan bahawa remaja suka mengeksplorasi dan bereksperimen untuk mencuba benda baharu dengan memulakan hantaran seks.

Temple *et al.* (2012) menyatakan bahawa penemuan dari kajian mereka menunjukkan kelakuan seks adalah lazim dalam kalangan remaja. Walaupun beberapa perbezaan pendapat telah dikenal pasti, namun seks telah berlaku dalam kalangan remaja tanpa mengira umur, jantina, bangsa mahupun etnik. Khususnya, lebih daripada 1 dari 4 remaja telah menghantar gambar lucah mereka sendiri melalui cara elektronik, yang mana kira-kira separuh telah diminta menghantar gambar lucah, dan sepertiga dari itu telah meminta gambar lucah untuk dihantar kepada mereka. Ini menunjukkan gejala hantaran seks telah menular dan semakin memberi impak negatif di kalangan remaja pada masa kini. Bukan itu sahaja, menurut Wira (2017), terdapat kajian berkenaan kanak-kanak yang dipujuk dan dipaksa untuk menghantar gambar lucah tubuh mereka atau yang lebih teruk di ajak melakukan aktiviti seksual menerusi kamera web atau telefon pintar. Ini juga salah satu bentuk jenayah seksual terhadap kanak-kanak yang bermula dari 'online' kepada 'offline'. Kadangkala, pemangsa memaksa kanak-kanak itu untuk berkongsi gambar lucah sebelum mengajak untuk berjumpa lalu merogol mangsa (Wira, 2017).

Menurut Modasta (2017), hantaran seks boleh disebabkan oleh pelbagai faktor, dan penyebabnya berbeza antara jantina. Antara penyebabnya ialah hantaran seks merupakan salah satu cara seks yang selamat kerana tiada risiko kehamilan atau *STD* (*Sexually Transmitted Disease*) yang juga

dikenali sebagai penyakit kelamin. Mereka juga melakukannya untuk keseronokan dan akibat dari tekanan. Hal ini demikian kerana, kebanyakan gadis-gadis menganggap hantaran seks sebagai satu jenaka, untuk menarik perhatian atau berasa seksi.

Di samping itu, remaja yang masih polos dan berdarah panas sangat pantang dicabar dan sanggup membuat apa sahaja untuk diterima oleh rakan-rakan dan pasangan mereka. Mereka terlalu mempercayai pasangan mereka dan menghantar gambar lucu demi membuktikan keteguhan hubungan mereka. Namun, kebanyakan pasangan akan menghantar dan akan menyebarkan gambar lucu pasangan masing-masing setelah mereka berpisah (Lenhart, 2009). Golongan muda tidak menyedari bahawa betapa serius tindakan mereka berkongsi gambar atau video ke dalam media sosial. Mereka menghantar gambar-gambar yang provokatif melalui mesej teks untuk menarik perhatian atau disebabkan impulsif perkembangan seksual juga rasa ingin tahu yang tinggi (Stanfield, 2017). Remaja harus memahami bahawa mesej, gambar, atau video yang dihantar adalah bukan hak milik peribadi jika ia telah diberikan kepada orang lain atau tersebar di dalam internet. Hanya dalam beberapa saat sahaja, video yang dihantar ke dalam internet akan tersebar luas ke seluruh pelosok dunia yang mana menjadi pengguna media sosial.

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini adalah kajian kualitatif iaitu suatu kajian ke atas sesuatu situasi dan individu untuk mendapatkan maklumat secara terperinci serta mendalam (Zainal & Saiful, 2016). Penyelidikan ini dilakukan secara realistik dan melalui temu bual. Kajian ini melibatkan pernyataan masalah iaitu tentang sejauh mana kesedaran mahasiswa UniMAP tentang isu hantaran seks. Seramai 4 orang informan telah ditemu bual untuk mengupas isu gejala hantaran seks dan menjawab segala persoalan yang akan dikaji di dalam kajian ini.

4. HASIL KAJIAN

Hasil dapatan kajian dapat disimpulkan kepada tema-tema tertentu iaitu pengetahuan tentang hantaran seks, faktor berlaku hantaran seks, kesan hantaran seks, dan tindakan yang boleh diambil untuk menghalang gejala hantaran seks juga turut dicadangkan oleh informan selepas ditemu bual. Oleh itu, hasil dapatan kajian mengenai kesedaran mahasiswa UniMAP terhadap gejala hantaran seks dapat disimpulkan kepada tema-tema tertentu seperti di subtopik seterusnya.

4.1 Pengetahuan Tentang Hantaran Seks

Setelah ditemu bual, kesemua informan telah menyatakan bahawa mereka mempunyai pengetahuan tentang hantaran seks. Mereka menyatakan bahawa hantaran seks adalah seks dan teks yang berbau lucu yang mana dihantar terhadap pasangan atau kawan-kawan individu itu sendiri. Namun, ada seorang informan yang menyatakan bahawa hantaran seks ini bukan sahaja berlaku pada individu yang berlainan jantina malah, ia boleh juga berlaku sesama jantina yang mana mereka menganggap itu hanyalah sekadar gurauan. Manakala, apabila ditanya tentang tahap hantaran seks yang semakin membimbangkan pada masa kini, dua orang informan menyatakan bahawa ia adalah kerana mereka terjebak dengan pasangan masing-masing. Seorang informan menyatakan demi mencari keseronokan dan kepuasan sendiri adalah penyebab hantaran seks semakin membimbangkan.

4.2 Faktor Berlaku Hantaran Seks

Keempat-empat informan diajukan soalan mengenai adakah media sosial adalah penyebab utama hantaran seks berlaku pada masa kini berdasarkan pendapat mereka sendiri. Ketiga-tiga informan menyatakan pendapat yang hampir sama tentang soalan tersebut. Mereka menyatakan bahawa penggunaan media sosial yang bebas dan tanpa sempadan menyebabkan berlakunya gejala hantaran seks ini. Mereka juga menyatakan bahawa kadangkala penggunaan bahasa yang tidak sopan atau mempunyai maksud tersirat atau *'double meaning'* membuatkan individu lain yang membacanya akan berfikir tentang perkara yang sebaliknya seperti perkara-perkara lucu dan sebagainya. Berikut merupakan antara pernyataan Informan B tentang persoalan yang diajukan iaitu adakah media sosial penyumbang utama terjadinya gejala hantaran seks:

"Mereka terjebak sebab minat dan seronok. Makin cakap (tentang seks) makin seronok dan boleh bayangkan kalau guna media sosial macam biasa, mesti bosan."

(Informan B)

Penjelasan ini menunjukkan bahawa remaja menggunakan media sosial untuk berseronok tanpa memikirkan kesannya pada mereka di masa akan datang. Ini disokong dengan dapatan kajian oleh Modasta (2017), yang mana remaja menganggap hantaran seks sebagai bahan jenaka bersama dengan rakan-rakan, cara untuk mendapatkan perhatian dan juga menggoda.

Manakala, seorang informan lagi kurang bersetuju dengan persoalan yang mana media sosial adalah punca utama hantaran seks. Informan A menyatakan bahawa media sosial hanyalah sebagai satu medium untuk berkomunikasi bersama rakan-rakan dan bukanlah penyebab utama hantaran seks ini berlaku. Berikut adalah antara pernyataan yang dikeluarkan oleh Informan A:

"Tidak, media sosial ini hanya medium sahaja. Yang penting adalah kerana kurangnya didikan agama sebab remaja berani untuk melakukan sexting."

(Informan A)

Selain itu, kesemua informan turut ditanya sama ada rakan sebaya adalah antara faktor yang menyumbang kepada berlakunya hantaran seks di kalangan remaja. Dua informan iaitu Informan B dan D bersetuju menyatakan bahawa rakan sebaya juga mampu mempengaruhi remaja untuk terjebak dalam hantaran seks. Hal ini kerana, mereka lebih rapat dan selesa untuk bergaul bersama rakan-rakan sendiri berbanding orang asing. Berikut adalah pernyataan-pernyataan yang diberikan oleh kedua-dua informan:

"Saya setuju. Kadang-kadang kalau jumpa kawan yang sekepala (berfikiran sama) dan dah biasa dengan benda-benda macam tu, kita cakap apa pun mereka akan 'open minded' (berfikiran terbuka) dan biasa."

(Informan B)

"Mungkin ada. Sebab mereka anggap semua orang pun buat benda tu (hantaran seks) dan bercerita tanpa segan silu."

(Informan D)

Berdasarkan pernyataan di atas, dua dari empat orang informan bersetuju bahawa rakan sebaya mampu mempengaruhi hidup seseorang dengan cara mengajak berbuat benda negatif mahupun positif. Kedua-dua informan juga menyatakan kadangkala berkenalan dengan kawan-kawan yang baru di media sosial turut menyebabkan mereka belajar banyak benda baru, bukan sahaja dari sudut positif malah dari segi negatif.

Semasa remaja meningkat umur dewasa, mereka lebih suka untuk mencari pengalaman dan mencuba perkara yang baru di dalam hidup mereka (Zainuddin & Norazmah, 2011). Mereka sangat memerlukan bimbingan dari ibu bapa dan masyarakat sekeliling untuk menegur segala

perbuatan yang dilakukan oleh mereka yang mana mampu membawa keburukan. Pada zaman yang serba canggih ini, ibu bapa lebih gemar untuk memberi gajet supaya anak-anak tidak bosan apabila mereka tiada di rumah (Astro Awani, 2014). Hal ini menyebabkan anak-anak berasa bosan dan mula mencari sesuatu untuk menghiburkan diri mereka sendiri. Keempat-empat informan diajukan soalan yang sama iaitu adakah hantaran seks berlaku kerana ibu bapa yang sibuk dan tidak mempunyai masa bersama anak-anak. Ketiga-tiga Informan B, C dan D bersetuju dengan persoalan berikut kerana bagi mereka kesibukan ibu bapa menyebabkan anak-anak terbiar tanpa kawalan. Hal ini dikatakan penyebab anak-anak mula mencari kawan-kawan dan membuat perkara yang terlarang kerana tiada orang yang akan menghalang mereka mahupun memarahi mereka. Di bawah disertakan penjelasan kesemua informan berkaitan soalan ibubapa juga faktor penyebab berlakunya hantaran seks:

"Ya, sebab tanpa kawalan ibu bapa, remaja ingat tak ada orang tahu (aktiviti mereka). Jadi, sebab itu mereka bebas lakukan 'sexting'."

(Informan B)

"Mereka rasa mak ayah mereka pun sibuk, jadi dengan siapa lagi nak berkawan? Mestilah dengan kawan-kawan dan pasangan untuk isi masa lapang."

(Informan C)

"Ya, saya sangat setuju. Selalu tengok di Facebook dan nampak yang ibu bapa bagi gajet pada anak-anak, dan dah dapat gajet apa lagi, mestilah mereka nak tengok benda lucu. Anak-anak yang tak tahu apa-apa, mula tengok benda tak baik guna telefon bimbit ibu bapa, dan ibu bapa mereka pun tak tahu tentang itu (aktiviti melihat benda lucu)."

(Informan D)

4.3 Kesan Hantaran Seks

Kesemua informan telah diajukan pertanyaan tentang kesan yang akan remaja tidak dibendung daripada melakukan hantaran seks. Keempat-empat mereka menjawab pertanyaan tersebut dengan jawapan yang hampir sama. Mereka bersetuju bahawa sememangnya perlakuan hantaran seks ini mampu membawa remaja kepada sesuatu yang lebih serius seperti pergaulan bebas. Remaja tanpa segan silu membuat perkara yang tidak baik di tempat-tempat awam sehingga menyebabkan diri sendiri yang akan menerima akibatnya di masa hadapan.

Remaja yang terlibat dengan gejala-gejala sosial, mereka bukan sahaja terlibat dengan hantaran seks yang hanya bersandarkan seks dalam mesej teks sahaja, malah ada juga yang telah terlibat dengan perbuatan seks sebenar walaupun masih muda. Oleh hal yang demikian, informan telah ditanya tentang persoalan yang berkaitan dengan gejala seks bebas, dan kes pembuangan bayi. Tiga daripada empat informan bersetuju dengan kenyataan tersebut. Mereka menyatakan bahawa jika remaja telah mula terlibat dengan hantaran seks, ia akan menyebabkan mereka ingin mencuba sesuatu yang lebih ekstrem sehingga berlakulah seks yang sebenar, dan seterusnya hamil tanpa kerelaan, dan kes pembuangan bayi akan menjadi semakin bertambah. Berikut ialah antara jawapan dari Informan A:

"Mereka mula-mula dah ber'sexting' jadi, mereka ada buat benda-benda macam itu (perkara-perkara ke arah seks). Tidak mustahil kes pembuangan bayi akan semakin meningkat pada masa depan."

(Informan A)

Mereka merasakan bahawa jika seseorang telah mula terlibat dengan hantaran seks dan seterusnya berjumpa, maka akan terjadilah perkara-perkara yang tidak diinginkan seperti seks sebelum berkahwin dan seterusnya ke arah masalah sosial yang lebih berat iaitu pembuangan bayi. Manakala, Informan B pula menyatakan bahawa perkara ini (seks sebelum berkahwin) bergantung pada individu itu sendiri. Pada zaman ini, remaja telah mula berfikir panjang dan

menggunakan perlindungan supaya tidak terjadi perkara-perkara yang tidak diinginkan oleh mereka seperti kehamilan di luar perkahwinan.

Tercetusnya perbuatan pergaulan bebas dan seterusnya terjadi gejala sosial yang semakin meruncing amat membimbangkan dari hari ke hari. Oleh hal yang demikian, tidak mustahil akan lahirnya masyarakat yang tidak berkualiti yang mana menjadikan pimpinan negara pada masa depan lebih mundur dari masa kini. Kesemua informan telah ditanya mengenai adakah generasi akan datang akan kurang kualitasnya jika gejala hantaran seks ini dibiarkan terus berleluasa tanpa pengawasan. Berikut ialah jawapan yang diterima dari beberapa informan:

"Remaja merasa puas jika dapat membuat perkara yang mereka sukai. Pada masa depan, akan lahirnya generasi yang semakin hilang kualitasnya jika 'sexting' ni dibiarkan."

(Informan A)

"Sekarang pun remaja dah banyak ikut budaya barat dan kurangnya pendidikan agama. Ya, mesti akan ada kesan bila mereka dewasa nanti."

(Informan B)

5. IMPLIKASI DAN CADANGAN

Kesan buruk gejala hantaran seks perlu diambil kira sebagai satu isu yang besar dan tidak boleh dianggap sebagai isu yang remeh. Hal ini kerana, masa kini adalah penentu masa depan remaja itu sendiri dan juga negara. Jika mereka merosakkan masa hadapan mereka dengan perbuatan yang sia-sia, ia mampu merugikan generasi yang boleh memimpin negara pada masa depan. Remaja yang melakukan hantaran seks mungkin terlupa bahawa sebarang gambar atau video yang dimuat naik ke dalam media sosial tidak akan boleh dihapuskan begitu sahaja. Menurut Stanfield (2017), kebanyakan remaja tidak tahu bahawa gambar dan video mereka yang tersebar akan sentiasa berlegar di internet dan kekal di ruang siber (*cyberspace*). Oleh hal yang demikian, tindakan pantas perlu dilakukan supaya remaja tidak lagi terjebak dengan gejala hantaran seks ini dan menjadikan mereka remaja yang bebas dari masalah sosial yang berlaku pada masa kini.

Keempat-empat informan telah diajukan tentang cadangan yang boleh diberikan tentang tindakan yang perlu diambil untuk mengawal gejala hantaran seks ini dan mereka memberikan cadangan yang berbeza-beza namun, tetap memberikan maksud yang hampir serupa. Berikut adalah pernyataan yang diberikan oleh kesemua informan atas persoalan yang diajukan tentang cadangan mereka dalam mengatasi masalah hantaran seks ini:

"Kita perlu menitikberatkan agama dalam kehidupan seharian bermula dari zaman kanak-kanak hingga dewasa. Kerajaan dan ibu bapa perlu perkasakan pendidikan agama yang mana dapat mendidik anak-anak menjadi manusia yang lebih baik dan mencegah mereka melakukan perkara yang negatif."

(Informan A)

"Sebenarnya, daripada kita merawat eloklah kita mencegah dahulu. Sebelum buat sesuatu itu fikirkanlah dulu. Fikir kesan pada keluarga dan diri sendiri. Ibu bapa kena terapkan nilai agama dalam diri anak-anak supaya mereka tak buat perkara bukan-bukan."

(Informan B)

"Keluarga mesti memantau ke mana mereka pergi dan dengan siapa mereka berkawan. Jangan bagi anak bebas sangat. Masyarakat pun kena tegur kalau nampak ada anak-anak remaja berubah sikap atau bergaul bebas."

(Informan C)

"Ibu bapa kena didik anak dari sekarang untuk gunakan perkataan baik-baik dan jangan berikan gajet pada usia muda. Pihak yang bertanggungjawab juga perlulah buat kempen kesedaran, seminar dan apa sahaja untuk membantu anak-anak masa kini."

(Informan D)

Kesemua informan memberikan kenyataan dan cadangan mereka tentang cara-cara membanteras gejala hantaran seks untuk tidak lagi berlaku pada masa depan. Penjelasan mereka sekaligus telah membuktikan bahawa gejala hantaran seks ini sangat tidak baik untuk anak-anak remaja dan boleh memberi kesan pada mereka di masa hadapan. Justeru, kesemua penjelasan tersebut menyokong kajian Prather dan Vanvider (2014), yang mana menyatakan bahawa hantaran seks boleh memberi kemudaratan kepada remaja.

6. KESIMPULAN

Pengkaji telah menggunakan pendekatan kualitatif dan mengadakan temu bual bersama 4 orang informan bagi menjayakan kajian berkaitan isu hantaran seks ini. Bagi mendapatkan maklumat berkenaan kajian ini tidaklah mudah namun ia berjaya dihasilkan untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat bahawa gejala hantaran seks ini adalah satu isu yang amat serius untuk dibiarkan begitu sahaja. Melalui faktor-faktor yang telah dikenalpasti, diketahui bahawa penggunaan media sosial, pengaruh rakan sebaya, serta kurangnya perhatian ibu bapa sangat memainkan peranan penting dalam berlakunya gejala sosial yang mana bukan sahaja hantaran seks, malah melayari laman web lucah, dan banyak lagi. Oleh yang demikian, masyarakat dan pihak berwajib perlu bersatu hati dan memberi sepenuh perhatian tentang permasalahan ini yang mana hanya akan menjadi barah untuk negara jika tidak dibendung mulai sekarang. Disebabkan itu, gejala hantaran seks ini perlu dihentikan untuk memastikan generasi akan datang bukan hanya berkualiti dari segi pelajarannya, malah juga berkualiti dari segi dalaman, dan bebas gejala-gejala buruk yang mampu merosakkan masa depan mereka.

RUJUKAN

- Astro Awani. (2014). *Gajet boleh menjadi racun kepada anak-anak*. Retrieved from <http://www.astroawani.com/gaya-hidup/gajet-boleh-jadi-racun-kepada-kanak-kanak-dan-remaja-28262>.
- Charness, N., & Boot, W. R. (2009). Aging and information technology use: Potential and barriers. *Current Directions in Psychological Science*, 18: 253–258.
- Hinduja, S. & Patchin, J. W. (2010). *Sexting: A brief guide for educators and parents*. Cyberbullying Research Center. Retrieved from http://www.cyberbullying.us/Sexting_Fact_Sheet.pdf.
- L'Engle, K.L., Brown, J.D. & Kenneavy, K. (2006). The mass media are an important social context for adolescents' sexual behaviour. *Journal of Adolescent Health*, 38: 186-192.
- Lenhart, A. (2009). *Teens and sexting. A Pew Internet & American Life Project Report*. Retrieved from <http://www.pewinternet.org/2009/12/15/teens-and-sexting/>.
- Lenhart, A., Ling, R., Campbell, S., & Purcell, K. (2010). *Teens and mobile phones. Washington, DC: Pew Internet & American Life Project*. Retrieved from <http://pewinternet.org/Reports/2010/Teens-and-Mobile-Phones.aspx>.
- Lohmann, C. R. (2012). *The dangers of teens sexting*. Retrieved from <https://www.psychologytoday.com/blog/teen-angst/201207/the-dangers-teen-sexting>.
- Modasta. (2017). *Sexting behavior in teens*. Retrieved from <https://www.modasta.com/health-a-z/sexting-behaviour-teens/>.
- Ono, H., & Tsai, H. J. (2008). Race, parental socioeconomic status, and computer use time outside of school among young American children, 1997 to 2003. *Journal of Family Issues*, 29: 1650-1672.

- Prather, M. K & Vandiver, M. D. (2014). *Sexting among teenagers in the united states: a retrospective analysis of identifying motivating factors, potential targets, and the role of a capable guardian*. Retrieved from <http://www.cybercrimejournal.com/pratherVandiverijcc2014vol8issue1.pdf>.
- Stanfield, J. (2017). *Cause for concern: teens, "sexting" and new media*. Retrieved from <https://www.stanfield.com/blog/2012/07/cause-for-concern-teens-sexting-and-social-media/> on 17 November 2017.
- Temple, J. R. & Choi, H. (2014). Longitudinal association between teen sexting and sexual behavior. *Pediatrics*. 134: (1287-1292) doi:10.1542/peds.2014-1974.
- Temple, J. R., Paul, J. A., van den Berg P., Le, V. D., McElhany, A., Temple, B. W. (2012). Teen sexting and its association with sexual behaviors. *Arch Pediatr Adolesc Med*. 166(9): 828-33. doi: 10.1001/archpediatrics.2012.835. PMID: 22751805; PMCID: PMC3626288.
- Wira, B. (2017). Jenayah seksual terhadap kanak-kanak; dari online kepada offline. Retrieved from <https://children4change.unicef.my/blog-jenayah-seksual-terhadap-kanak-kanak-dari-online-ke-offline/>.
- Zainal, A. & Saiful, A. (2016). *Kajian kualitatif. Research methodology*. Retrieved from http://www.academia.edu/12922669/METODOLOGI_KAJIAN_KUALITATIF.
- Zainudin, S. & Norazmah, M. R. (2011). Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling*. 2011: 115-140.